

Ikan laga bernilai tinggi

15/11/2018

M/S 22 S. Harim Boleh dijual pada harga kurang seringggit sehinggalah mencecah ratusan ringgit

MARANG - Walaupun hanya sebesar ibu jari seorang lelaki dewasa, namun nilai ikan laga yang mempunyai pelbagai warna mampu mencecah harga ratusan ringgit.

Ikan laga atau nama saintifiknya *Betta Splendens* dalam keluarga Anabantidae (Labrynth Fisher) yang berekor kembang, juga mempunyai keunikan tersendiri dan nilai komersial yang tinggi.

Secara asasnya ikan air tawar ini boleh dibeli pada harga kurang seringggit sehinggalah mencecah ratusan ringgit sekiranya terdapat banyak keunikan pada ikan tersebut.

Penternak yang juga pemilik *Betta Lover Farm*, Mohd Nazri Aziz, 36, berkata, ikan unik itu menjadi buruan peminat ikan hiasan kerana sifatnya suka menonjolkan bentuk fizikal terutama ekor.

Agak menarik juga apabila Mohd Nazri yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Multimedia dari Universiti Utara Malaysia (UUM), menjadikan perniagaan ikan laga sebagai mata pencarian utama.

Menurutnya, permintaan terhadap ikan hiasan sentiasa ada sehingga dia sanggup melepaskan jawatan dalam bidang teknologi maklumat kerana minat mendalam terhadap perniagaan itu.

Katanya, selepas tamat pengajian pada 2006, dia bekerja dalam bidang teknologi maklumat di luar negeri sebelum mengambil keputusan pulang ke kampung kerana minat berniaga ikan laga.

"Saya masih ingat kata-kata ahli keluarga, mereka kata lebih baik buat duit dengan benda yang saya



Ikan laga yang dibiakkan kemudian dihantar kepada pembeli dalam kuantiti besar ke seluruh Terengganu.

minat. Selepas itu saya mengambil keputusan memulakan perniagaan ini dengan membeli sepasang ikan laga.

"Ikan laga jenis 'half moon' yang dibeli dengan harga RM100 dijadikan sebagai induk dan sekarang saya dah memiliki ribuan ikan laga pelbagai jenis termasuk jenis digunakan untuk bertarung," katanya.

Import dari Indonesia, Thailand

Mohd Nazri berkata, ikan laga amat mudah dijaga, berwarna-warni, memiliki ekor yang cantik ketika berenang serta memiliki pelbagai spesies dan saiz, malah

kos untuk memelihara juga tidak besar.

Bagaimanapun katanya, kerja-kerja menangkap ikan laga semakin sukar akibat pencemaran air terutama baja dan racun rumpai, termasuk faktor kerancakan pembangunan di desa.

"Disebabkan faktor inilah saya memilih untuk mengimport ikan laga dari Thailand dan juga Indonesia berbanding mencari sendiri di kawasan habitat haiwan kecil itu.

"Ikan laga liar juga mempunyai bentuk fizikal kurang menarik dibandingkan dengan ditemak secara komersial seperti ini iaitu

jenis 'crown tail', 'dumbo', 'halfmoon single tail', 'halfmoon double tail' dan 'plakat,'" katanya.

Mohd Nazri berkata, kebanyakan ikan laga yang diimport dan ditempatkan di ladang ternakannya dikatakan berasal dari Sungai Mekong iaitu di perairan Thailand, Kemboja serta Indonesia.

"Ikan-ikan yang diimport ini mudah dijaga. Kadar pH air yang sesuai adalah sekitar 6.8 hingga 7.4 dan tidak perlu diletakkan gas oksigen seperti mana penjagaan ikan kelisa mahupun ikan emas," katanya.

Mohd Nazri berkata, ikan laga yang dibiakkan kemudian dihantar kepada pembeli dalam kuantiti besar ke seluruh Terengganu dengan harga rendah, termasuk dihantar kepada



● Ikan unik ini menjadi buruan peminat ikan hiasan

kumpulan kecil serta individu.

"Alhamdulillah, setakat ini sambutan diterima amat menggalakkan. Malah saya juga kerap menyertai ekspo pertanian anjuran Jabatan Pertanian dan agensi lain di seluruh negara," katanya.

Pusat ternakan ikan laga, *Betta Lover Farm* terletak di Jalan Hassan Hussien di Kampung Binjai Bongkok, Bukit Payong.

Pusat ini beroperasi setiap hari, malah Mohd Nazri juga menetap di situ.



Mohd Nazri (belakang) memerhatikan dua pembantunya mengasingkan ikan laga yang ditenak.



Ikan laga amat mudah dijaga, berwarna-warni dan memiliki ekor yang cantik ketika berenang.